

Rosmah mahu kerjasama bendung pembuangan bayi
Malaysiakini.com
Feb 14, 2010

Isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor hari ini membayangkan kemungkinan mewujudkan rangkaian kerjasama dengan pelbagai pihak bagi membendung gejala pembuangan bayi yang semakin kritikal sejak kebelakangan ini. Katanya beliau akan berbincang dengan pihak berkenaan terlebih dahulu sebelum melaksanakan sebarang kempen kesedaran dalam menangani masalah ibu yang melahirkan anak luar nikah.

"Insya Allah, saya rela bekerjasama dengan badan kerajaan serta pihak lain bagi membendung isu pembuangan bayi," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis rumah terbuka Tahun Baru Cina anjuran parti Gerakan di Menara PGRM di Kuala Lumpur hari ini.

Rosmah, yang juga Yang Dipertua Badan Amal dan Kebajikan Tenaga Isteri-Isteri Menteri dan Timbalan Menteri (Bakti), juga melahirkan rasa kesal terhadap kes pembuangan bayi terutama kes terbaru di mana mayat seorang bayi lelaki yang hampir rentung dalam sebuah tong sampah ditemui di Kuala Krai, Kelantan, semalam.

"Saya berasa amat dukacita dengan kejadian ini kerana ia perbuatan yang sangat zalim dan berharap pihak berkenaan dapat mengambil tindakan wajar bagi membendung keadaan ini supaya tidak lagi berleluasa," katanya.

Sementara itu, Ketua Wanita Gerakan Datuk Tan Lian Hoe berkata, akta yang ada perlu diperketatkan supaya kejadian terbabit dapat dielakkan daripada terus berleluasa.

Katanya ibu bapa yang tidak sanggup atau berupaya menjaga anak mereka dan ibu yang melahirkan anak luar nikah supya menyerahkan mereka kepada rumah kebajikan.

- *Bernama*

Copyright © 1999-2007 Mkini Dotcom Sdn. Bhd.
Source : <http://www.malaysiakini.com/news/124415>